




KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

Buletin KM

EDISI 2023

km.anm.gov.my

PERKONGSIAN MAKLUMAT SEMASA KEPADA WARGA JANM




ARAHAN PERBENDAHARAAN (PINDAAN 2023)

Arahan Perbendaharaan (AP) diterbitkan selaras dengan seksyen 4 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] mengenai kawalan dan pengurusan kewangan awam serta tatacara kewangan dan perakaunan yang perlu dipatuhi oleh semua Pegawai Perakaunan bagi Persekutuan dan negeri-negeri dalam Malaysia. AP terkini telah dipinda pada tahun 2023.



Artikel Penuh : Muka Surat 3



PINDAAN SURAT PEKELING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA TATACARA PENGURUSAN BAYARAN



Artikel Penuh :
Muka Surat 7



PENDEMOKRASIAN TRANSFORMASI DIGITAL




Artikel Penuh :
Muka Surat 10



TIPS KESIHATAN MENTAL



Artikel Penuh :
Muka Surat 15



* WANG TAK DITUNTUT

Artikel Penuh :
Muka Surat 21

Artikel Penuh :
Muka Surat 23

* AKTIVITI KM JANM

Artikel Penuh :
Muka Surat 25

* KESIHATAN MENTAL WARGA JANM

PENAUNG
ZAHARIN BIN OTHMAN

PENASIHAT
GLORIA ANGELA JAMES
RENE HARLENE DRAHMAN

SIDANG EDITOR
FARHAH MOHD SALLEH
NURUL ADHA MD DAUD

SUMBANGAN BAHAN
JULIANA ALIAS (BKP)
DR. SALEH BIN HASHIM (BPTM)
NOR ZIANA BINTI AWANG (BPPP)
NUR AMIRAH BINTI RUZALLI (BPPP)
SOFIA BINTI MOHD SOPEE (BPAD)

REKABENTUK
SOFIA BINTI MOHD SOPEE (BPAD)

DITERBITKAN OLEH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PERAKAUNAN & PENGURUSAN
ARAS 7, KOMPLEKS KEMENTERIAN
KEWANGAN, NO. 1, PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2, PUSAT PENTADBIRAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
62594 W.P. PUTRAJAYA

T : 603-888821000
F : 603-888821042
P : www.anm.gov.my

Assalamu'alaikum warahmatullahi Wabarokatuh,

Selamat Sejahtera,

Syukur Alhamdulillah, berkat limpah kurniaNya gerak kerja KM yang telah dijalankan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sejak tahun 2009 telah berlangsung dengan jayanya.

Pengurusan pengetahuan merupakan pengurusan yang sistematik kepada organisasi yang bertujuan untuk mencipta nilai dan memenuhi keperluan taktikal dan strategik yang terdiri daripada proses, strategi, inisiatif dan sistem bagi mengekalkan dan meningkatkan penyimpanan, penilaian, perkongsian, penyelesaian serta penciptaan ilmu.



Pengurusan pengetahuan adalah penting bagi menguruskan risiko kehilangan pengetahuan eksplisit mahupun tasit JANM serta boleh meningkatkan kebolehcapaian maklumat, menghindari jurang pengetahuan dan memudahkan akses apa yang diketahui dan perlu dipelajari.

Pelaksanaan KM JANM berdasarkan Pelan Induk Pengurusan Pengetahuan serta dasar KM yang telah ditetapkan seperti perkongsian ilmu melalui taklimat, perkongsian secara atas talian, ceramah, bengkel, tazkirah dan infografik. Garis Panduan KM JANM dijangka akan dilancarkan tidak lama lagi bagi meneruskan pelbagai aktiviti KM JANM seperti *Knowledge Audit*, *lesson learned* dan *Communities of Practices*.

JANM amat menitik beratkan perkongsian ilmu diantara warga JANM supaya pembudayaan KM ini menjadi teras dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada pihak berkepentingan seterusnya memberi nilai tambah dalam melaksanakan fungsi jabatan. Ini adalah kerana budaya KM akan meningkatkan produktiviti warga JANM disebabkan pelaksanaan tugas masing-masing adalah berdasarkan penyelesaian yang cekap dan efisien serta kecekapan dalam membuat keputusan.


Komitmen Pelaksanaan KM di setiap bahagian adalah dituntut dalam memastikan aktiviti KM berjalan secara berterusan. Proses pengurusan pengetahuan ini hendaklah diteruskan tanpa jemu meliputi penghasilan pengetahuan, perkongsian pengetahuan dan penggunaan pengetahuan. Aktiviti pembudayaan KM perlu diteruskan dan dikekalkan supaya momentum pembudayaan perkongsian ilmu tidak terhenti begitu sahaja. Hal inilah yang akan memastikan kecemerlangan JANM dapat dikekalkan memandangkan KM bukanlah perkara baharu di sektor swasta mahupun sektor awam.

Akhir kata, optimumkan penggunaan KM yang telah dibangunkan sebagai sebahagian daripada platform rujukan warga JANM. Justeru, kerjasama daripada warga JANM dalam menjayakan setiap aktiviti yang dilaksanakan dan dianjurkan adalah sangat penting agar JANM dapat menjadi organisasi yang sukses dalam mengamalkan pembudayaan KM. Sekian, terima kasih.

Nor Yati binti Ahmad c.A.(M)
Akauntan Negara Malaysia

Pengenalan

Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) yang telah diterbitkan pada 24 Februari 2023 merupakan Arahan Perbendaharaan (AP) terkini serta menggantikan AP tahun 2008. AP yang pertama telah diterbitkan oleh Perbendaharaan Malaysia pada tahun 1966 dalam versi Bahasa Inggeris. Pada tahun 1970, 1974, 1997 dan 2008 semakan dan penambahbaikan AP telah dilaksanakan bagi memastikan AP sentiasa dikemas kini dengan perkembangan sektor kewangan dan perakaunan Kerajaan.



AP diterbitkan selaras dengan seksyen 4 Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] mengenai kawalan dan pengurusan kewangan awam serta tatacara kewangan dan perakaunan yang perlu dipatuhi oleh semua Pegawai Perakaunan bagi Persekutuan dan bagi Negeri-negeri dalam Malaysia. AP hendaklah dibaca bersama Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Tujuan Pindaan

Pindaan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) adalah bertujuan untuk memperkemas dan memantapkan peraturan kewangan dan perakaunan sedia ada selaras dengan keperluan dan perkembangan persekitaran semasa agar pengurusan kewangan Kerajaan sentiasa di tahap Cemerlang. Disamping itu, ia menjajarkan pengurusan kewangan dengan Dasar Pendigitalan Sektor Awam, memperkasakan kebertanggungjawaban pegawai awam di setiap peringkat dan memastikan pengurusan perakaunan Kerajaan seiring dengan sistem perakaunan semasa.

Memahami Arahan Perbendaharaan

Arahan Perbendaharaan ini dibahagikan kepada tiga (3) bab iaitu Bab A – Tatacara Kewangan; Bab B – Tatacara Perakaunan; dan Bab C – Audit, Kehilangan dan Tatacara Hapus Kira. Menyentuh berkaitan Bab B – Tatacara Perakaunan, AP disusun kepada lima (5) seksyen seperti berikut:

- (a) Seksyen I - Mengawal Terimaan, Bayaran dan Menyimpan Wang Awam;
- (b) Seksyen II - Perakaunan;
- (c) Seksyen III - Tatacara Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja;
- (d) Seksyen IV - Tatacara Pengurusan Aset Awam; dan
- (e) Seksyen V - Tatacara Perakaunan Pengurusan.

Seksyen IV merupakan peruntukan baharu yang menerangkan tatacara pengurusan Aset Awam. Seksyen V juga merupakan peruntukan baharu yang menghuraikan tanggungjawab Pegawai Pengawal dan Pegawai Perakaunan mengenai pelaksanaan Perakaunan Pengurusan.

Ilustrasi Ringkasan AP adalah seperti di Diagram 1.



Diagram 1: Ringkasan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023)

AP telah diselaraskan supaya hanya melibatkan penyataan dasar sahaja. Sehubungan itu, lampiran format laporan, daftar dan borang telah dibatalkan dan dikemas kini ke dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) seperti berikut:

Lampiran AP			Dikemaskini Di SPANM
7.1	AP 113(d)(i) – Buku Tunai Akaun Panjar Satu Perduabelas	Lampiran A	SPANM Tatacara Pengurusan Panjar
7.2	AP 113(d)(i) – Buku Wang Runcit	Lampiran A1	
7.3	AP 66A – Penyata Borang Hasil Yang Dikawal	Lampiran N	SPANM Tatacara Pengurusan Terimaan
7.4	AP 99(e)(iii) - Perakuan Terimaan Barang-Barang Yang Dibayar Terlebih Dahulu	Lampiran R	SPANM Tatacara Pengurusan Bayaran
7.5	AP 103(b) – Daftar Bil	Lampiran V	
7.6	Asas Pertimbangan Kelulusan Khas Pengecualian AP100(a)	Lampiran kepada AP100(a)	
7.7	AP162 - Daftar Deposit Untuk Diwartakan	Lampiran W	SPANM Tatacara Pengurusan Akaun Deposit

Jadual 1: Senarai Lampiran AP Yang Dibatalkan Dan Dikemaskini Ke Dalam SPANM

Selain daripada itu, terdapat juga pindaan kepada susunan nombor AP bagi memudahkan rujukan pembaca seperti berikut:

	AP 2008	AP 2023
8.1	AP107, AP108, AP109 dan AP110	AP103A, AP103B, AP103C dan AP103D
8.2	AP128 dan AP129A	AP125(b) dan AP125(c)
8.3	AP156, AP157, AP158, AP159, AP161(b) dan AP162	AP150A, AP150B, AP150C, AP150D, AP150E, AP150F dan AP150G
8.4	AP173.2, AP174-AP175.2, AP176-AP176.2, AP177-AP177.1	AP169A, AP169B, AP169B (a)-(d), AP169D, AP169D (a)-(d)(i),(ii),(e)(i),(ii), (f), AP169F (a)-(c), AP169C (a),(b)
8.5	AP178-AP178.2, AP184.2, AP184.3, AP184.5	AP169K, AP169K, AP169L, AP178A, AP178A (i)(ii), AP189A, AP178B, AP189B
8.6	AP200.1 hingga AP200.5	AP169E, AP169F(a)(b), AP184A (a),(b)(i),(ii),(c), AP184B(a),(b), AP184C (i)-(iv)
8.7	AP201, AP201.1 (a)-(e), AP202, AP202.1(a)-(d), AP202.2, AP203.1	AP178C dan AP190D, AP178C(a) (i)-(v) dan AP190D(a) (i)-(v), AP184D, AP184D(a), AP184D(b) (i)-(iv), AP184D(c), AP184D(d), AP184E, AP184F
8.8	AP204-AP204.1, AP205-AP205.3	AP169G, AP169G (a)-(c), AP169H, AP169H (a)-(c), AP169I, AP169J
8.9	AP313	AP310
8.10	AP314	AP3

Terdapat 14 takrifan baharu telah diperkenalkan dalam AP dan lapan (8) AP baharu yang telah diwujudkan seperti berikut:

AP53B, AP143C, AP149A, AP149B, AP150F(b), AP300E, AP300F, AP300G
--

Pindaan AP yang matan adalah seperti berikut:

AP10, AP33, AP52, AP53B, AP60, AP78, AP80, AP87, AP99, AP101, AP113, AP116, AP119, AP25(a), AP126(a)(b), AP135, AP138, AP141, AP143(b), AP146, AP149A, AP149B, AP150F, AP166.1A, AP166.2(k)(l), AP167.1A, AP167.1B, AP167.3, AP167.3A, AP169-AP169.1, AP169.2(a), AP170-AP170.1, AP180-AP180.1, AP180.2(a)(b), AP182.1(a)(ii), AP184-AP184.1, AP184A(a), AP183B, AP184C, AP184D, AP187, AP190(a), AP190(d), AP192,1, AP201, AP201.1(a)-(e), AP202, AP203.1, AP204-AP204.1, AP205-AP205.3, AP229A, AP287(a), AP295, AP304, AP306, AP308
--

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Sebagai Pemilik AP

AP merupakan peraturan kewangan dan perakaunan utama dalam pengurusan kewangan Kerajaan. Sebanyak 74 (22.57%) AP telah ditetapkan oleh Perbendaharaan berada di bawah milikan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan JANM berperanan untuk memberikan khidmat nasihat berkaitan AP berkenaan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Perbendaharaan Malaysia secara umumnya dan Bahagian Kawalan Kewangan Strategik & Korporat, Kementerian Kewangan secara khusus atas usaha menerbitkan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

Buku Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) boleh dimuat turun dari Portal Rasmi Kementerian Kewangan dalam bentuk elektronik atau boleh dibeli melalui Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Semua pegawai awam perlu memahirkkan diri dengan AP dan memastikan AP sentiasa dipatuhi sepenuhnya dalam mengurus tadbir kewangan dan perakaunan Kerajaan secara cekap, telus dan berintegriti serta kebertanggungjawaban yang tinggi.



1. Sistem JANM digunakan dlm kerajaan persekutuan ____.
2. ANM ____berbangsa Melayu pertama.
3. Sistem terimaan baharu JANM ____bakal dilancarkan.
4. Pematuhan____ditauliahkan kepada Badan Berkanun Persekutuan/Majlis Agama Islam/PBT .
5. Kelulusan juruaudit/penyelesai syarikat dibawah ____.

1					2		3
				4			
				5			

Menangi hadiah yang menarik dengan menjawab *puzzle* KM.
 Lima (5) responden terpuantas dengan jawapan yang betul akan dipilih sebagai pemenang dan akan dihubungi melalui e-mel rasmi pengguna.
 Mohon rujuk pautan melalui e-mel siaran buletin.


SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 2023 TATACARA PENGURUSAN BAYARAN

oleh: Puan Juliana Alias, Bahagian Khidmat Perunding

Pengenalan

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Kementerian/Jabatan mengenai tatacara pengurusan bayaran Kerajaan Persekutuan selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan dan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) bagi memastikan pengurusan bayaran Kerajaan Persekutuan diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Surat pekeliling terkini telah membatalkan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 7 Tahun 2018 bertarikh 24 Oktober 2018, Soalan Lazim (FAQ) SPANM Bil. 7 Tahun 2018 bertarikh 3 Februari 2021 serta Perenggan 3 dan 4 Soalan Lazim (FAQ) Penyelenggaraan Laporan Kewangan Dan Perakaunan bertarikh 24 Jun 2022 berkaitan Tatacara Pengurusan Bayaran.



Tujuan Pindaan

Pindaan SPANM Tatacara Pengurusan Bayaran adalah bagi mengemaskini SPANM selaras dengan pindaan Arahan Perbendaharaan (AP) Tahun 2023 yang telah berkuat kuasa pada 24 Februari 2023 dan pindaan Pekeliling Perbendaharaan yang terkini. Selain daripada itu, pindaan ini telah mengambil kira cadangan penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh Bahagian JANM dan Pejabat Perakaunan kerana SPANM Bil. 7 Tahun 2018 telah berusia 5 tahun dan keperluan serta perubahan proses kerja selaras dengan melaksanakan Pendigitalan Sektor Awam.

Kandungan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Tatacara Pengurusan Bayaran

SPANM ini mengandungi surat litup yang menjelaskan tujuan, latar belakang dan perkara berkaitan pelaksanaan SPANM serta disokong dengan 11 lampiran garis panduan kewangan dan perakaunan seperti di Diagram 1.



Diagram 1: Tatacara Pengurusan Bayaran

Lampiran A dan Lampiran J merupakan lampiran baharu dalam SPANM ini bagi memperincikan takrifan yang perlu dibaca bersama SPANM dan bayaran melibatkan Wang Pendahuluan Kontraktor.

Arahan Perbendaharaan (AP) 138 berkaitan Kewajipan Akauntan Negara Malaysia merupakan punca kuasa kepada penerbitan SPANM. SPANM ini hendaklah dibaca dan dilaksanakan berdasarkan peruntukan undang-undang dan peraturan seperti di Diagram 2.




Diagram 2: Peruntukan Undang-Undang Dan Peraturan Dalam SPANM Bil.5 Tahun 2023

SPANM ini turut menjelaskan AP99(a) berkaitan Baucar hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. Dokumen sokongan boleh dalam bentuk dokumen bercetak atau dokumen sokongan elektronik. Elemen kawalan berkaitan pelaksanaan AP99(a) adalah seperti di Diagram 3.

Bil	Dokumen Kewangan Elektronik/Dokumen Sokongan Elektronik/Dokumen Sokongan Manual	(3) Sistem/aplikasi/emel/cloud rasmi Kerajaan						Perakuan kesempurnaan [AP99(e)]	Pengesahan ke atas dokumen	Keperluan dicetak (penyimpanan <i>hardcopy</i>)
		Tanda tangan Digital	ID & Password	DRC	Softcopy 7 tahun	Tera air (TELAH BAYAR/ No. EFT)	Dokumen sokongan			
(1)	(2)	(3a)	(3b)	(3c)	(3d)	(3e)	(3f)	(4)	(5)	(6)
1.	Perolehan melalui eP	✓	✓	✓	✓	X	✓	Elektronik	Elektronik	AP, BPD, DS
2.	Pesanan Kerajaan iGFMAS	X	✓	✓	✓	X	X	Manual	Manual	AP, BPD, DS
3.	Tuntutan secara digital	X	✓	✓	✓	✓	✓	Elektronik	Elektronik	AP, BPD
4.	Tuntutan secara manual	X	X	X	X	X	X	Manual	Manual	AP, BPD, DS
5.	Dokumen sokongan dimuat turun dari sumber rasmi dan sah	X	X	X	X	X	X	Manual	Manual	AP, BPD, DS
6.	Dokumen sokongan diimbas (<i>scan</i>) dan disimpan (<i>save</i>) dalam format PDF atau format lain	X	X	X	X	X	X	Manual	Manual	AP, BPD, DS
Nota: AP – Arahan Pembayaran BPD – Borang Pergerakan Dokumen DS – Dokumen Sokongan										

Diagram 3: Ringkasan Perakuan Kesempurnaan, Pengesahan dan Keperluan Cetakan Dokumen Kewangan Elektronik Serta Dokumen Sokongan Elektronik dan Manual

Selain daripada itu senario bayaran di bawah AP58(a) dalam Soalan Lazim (FAQ) Tatacara Pengurusan Bayaran juga telah dikemaskini dalam SPANM terkini bagi memudahkan semakan dan rujukan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Penutup

Adalah diharapkan pegawai awam yang terlibat dengan pengurusan kewangan dan perakaunan dapat memahirkkan diri dengan SPANM ini dan dijadikan rujukan Kementerian, Jabatan dan pihak berkepentingan dalam melaksanakan tugas kewangan dan perakaunan di Kementerian/Jabatan. Betulkan yang biasa dan biasakan yang betul dengan ilmu.



TAHUKAH ANDA?

JANM bermula dari satu bangunan pejabat yang kecil bertempat di Bangunan Life Insurance Corporation of India di persimpangan Jalan Melaka dan Jalan Tun Perak (Mountbatten Road).



Artikel ini dikongsi berdasarkan kepada idea cetusan oleh **Marco Lansiti**, Profesor di Harvard Business School dan **Satya Nadella**, Ketua Pegawai Eksekutif Microsoft mengenai usaha yang dilakukan untuk merealisasikan transformasi teknologi digital dengan cekap dan berkesan. Idea yang hendak disampaikan adalah mengenai kejayaan pelaksanaan transformasi digital tidak hanya melibatkan kakitangan teknikal sahaja malah transformasi digital perlu penglibatan menyeluruh dalam organisasi agar objektif yang hendak dicapai dapat dihayati oleh anggota organisasi untuk bersama-sama berusaha mencapai objektif tersebut serta memberi peluang kepada mereka untuk mencipta inovasi.



Idea mengenai Pendemokrasian Transformasi Digital berdasarkan kepada pengalaman sebuah syarikat pengeluar barangan farmasutikal terkenal Switzerland iaitu Novartis telah melabur untuk melakukan transformasi digital perkhidmatan mereka antaranya dengan memindahkan infrastruktur teknologinya ke pengkomputeran awan (Cloud) dan meningkatkan platform database mereka kepada *platform integrated database*. Mereka juga telah melatih pakar-pakar AI dan saintis data dengan membina model pembelajaran mesin bagi tujuan digunakan di seluruh rangkaian perniagaan mereka di seluruh dunia. Namun begitu setelah beberapa lama projek mereka ini dilaksanakan, mereka mendapati, hanya bahagian teknikal syarikat sahaja telah berkembang, namun bahagian lain dari seluruh perniagaan termasuk dari sektor Jualan, Rantaian Bekalan, Sumber Manusia, Kewangan dan Pemasaran tidak menerima maklumat strategi pembaharuan tersebut dan mereka juga tidak dapat mengadaptasikan cara bagaimana data boleh meningkatkan pasukan kerja mereka. Dalam masa yang sama juga, para saintis data yang telah dilatih tidak dapat menyepadukan data dengan mudah ke dalam sistem mereka kerana mempunyai maklumat yang terhad mengenai operasi perniagaan. Akibatnya, pelaburan hanya menghasilkan perkembangan untuk sektor tertentu sahaja iaitu dalam proses R&D manakala operasi di sektor lain tidak berkembang.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini, Novartis melaksanakan projek pilot untuk R&D dan pemasaran yang menunjukkan perkembangan positif. Hal ini menarik perhatian beberapa eksekutif perniagaan Novartis yang kreatif. Mereka menjadi teruja tentang peluang untuk menggunakan AI di pelbagai sektor operasi syarikat dan mula bersungguh-sungguh memperjuangkan usaha tersebut. Mereka menyedari bahawa ahli teknologi dan saintis data sahaja tidak dapat menghasilkan inovasi keseluruhan bagi keperluan perniagaan, jadi mereka mula menggandingkan saintis data dengan kakitangan perniagaan yang lain dan menyasarkan penambahbaikan dalam kecekapan dan prestasi perniagaan mereka.

Pihak Novartis telah melatih staff barisan hadapan operasi perniagaan menggunakan data sendiri untuk memacu inovasi. Mereka menggunakan kaedah melatih dengan cepat agar banyak pasukan bagi mengambil peluang inovasi ini. Kesannya, transformasi telah dipercepatkan dengan pantas dan memacu pelbagai inisiatif inovasi seperti pendigitilan jualan dan ramalan jualan, pesanan semula dan penambahbaikan sistem bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan termasuk merombak sistem bagi memenuhi permintaan.

Kemajuan dalam transformasi digital telah menjadi pelaburan tidak ternilai syarikat apabila syarikat itu berjaya menangani ketidakpastian awal wabak covid. Pasukan perniagaan Novartis bekerjasama dengan saintis data untuk mencipta model untuk mengurus gangguan rantai bekalan, meramalkan kekurangan bekalan kritikal dan membolehkan perubahan pantas kepada dasar campuran produk dan harga. Mereka juga membangunkan analisis untuk mengenal pasti pesakit yang berisiko kerana mereka menangguhkan lawatan doktor. Apabila krisis covid semakin melanda, peranan AI menjadi jelas kepada pengurus di seluruh syarikat.

Sebelum gelombang penggunaan AI ini, pelaburan Novartis dalam teknologi terdiri hampir keseluruhannya daripada aplikasi perusahaan berpakej, biasanya dilaksanakan oleh jabatan IT dengan bimbingan perunding luar, vendor atau penyepadu sistem. Tetapi untuk membina keupayaan digital seluruh syarikat, di bawah kepimpinan ketua pegawai digital ketika itu Bertrand Bodson, Novartis bukan sahaja membangunkan keupayaan baharu dalam sains data tetapi juga mula mendemokrasikan akses kepada data dan teknologi dengan baik di luar silo teknologi tradisional. Syarikat itu kini melatih pekerja di semua peringkat dan dalam semua fungsi untuk mengenal pasti dan memanfaatkan peluang untuk menggabungkan data dan teknologi untuk meningkatkan kerja mereka. Pada tahun 2021, sidang kemuncak AI tahunan Novartis telah dihadiri oleh beribu-ribu pekerja mereka.

Potensi inovasi digital yang dipacu pekerja adalah mustahil untuk dikira, tetapi menurut firma penyelidikan IDC's Worldwide IT Industry 2020 Predictions, industri di seluruh ekonomi global perlu mencipta kira-kira 500 juta penyelesaian digital baharu menjelang 2023 lebih daripada jumlah keseluruhan yang dicipta sejak 40 tahun yang lalu. Ini tidak dapat dicapai oleh kumpulan kecil ahli teknologi dan saintis data yang terkurung dalam silo organisasi. Ia memerlukan kumpulan pekerja yang lebih besar dan lebih pelbagai eksekutif, pengurus dan pekerja barisan hadapan bersatu untuk memikirkan semula cara setiap aspek perniagaan harus beroperasi.

Pemacu Kejayaan

Apabila kedua-dua penulis ini memulakan penyelidikan, mereka ingin memahami mengapa banyak syarikat bergelut untuk meraih faedah pelaburan dalam transformasi digital manakala yang lain melihat keuntungan yang besar. Apakah yang dilakukan oleh syarikat yang berjaya secara berbeza?

Mereka melihat 150 syarikat dalam pembuatan, penjagaan kesihatan, produk pengguna, perkhidmatan kewangan, aeroangkasa dan farmaseutikal/bioteknologi, termasuk sampel wakil firma terbesar dalam setiap sektor.

Ada yang gagal menggerakkannya, tetapi ramai yang telah mencapai kemajuan yang dramatik. Mungkin mengejutkan, kami mendapati bahawa hasil tidak bergantung pada saiz relatif belanjawan IT. Kisah kejayaan juga tidak terhad kepada organisasi "dilahirkan secara digital".

Gergasi warisan seperti Unilever, Fidelity dan Starbucks (di mana salah seorang daripada penulis, Satya, berada dalam lembaga pengarah) apatah lagi Novartis telah berjaya mencipta minda dan budaya inovasi digital.

Berdasarkan kepada penyelidikan yang dibuat menunjukkan bahawa untuk membolehkan transformasi pada skala yang besar, syarikat mesti mewujudkan sinergi dalam tiga bidang:

Kapasiti. Usaha transformasi yang berjaya memerlukan syarikat membangunkan kemahiran digital dan data dalam pekerja di luar fungsi teknologi tradisional. Keupayaan ini sahaja, walau bagaimanapun, tidak mencukupi untuk menyampaikan manfaat penuh transformasi; organisasi juga mesti melabur dalam membangunkan ketangkasan proses dan, secara lebih luas, budaya yang menggalakkan percubaan yang meluas dan kerap.

Teknologi. Pelaburan dalam teknologi yang betul adalah penting, terutamanya dalam elemen tindakan AI iaitu teknologi platform data, kejuruteraan data, algoritma pembelajaran mesin dan teknologi penggunaan algoritma. Entiti mesti memastikan bahawa teknologi yang digunakan mudah digunakan dan boleh diakses oleh ramai pekerja bukan teknikal yang mengambil bahagian dalam usaha inovasi.

Arkitektur. Pelaburan dalam seni bina organisasi dan teknikal adalah perlu untuk memastikan keupayaan manusia dan teknologi dapat bekerja secara sinergi untuk memacu inovasi. Itu memerlukan arkitektur untuk kedua-dua teknologi dan organisasi yang menyokong perkongsian, penyepaduan data (contohnya, menjadikan definisi dan ciri data konsisten) merentas silo terpencil secara tradisional. Ini adalah satu-satunya cara sebenar dan berskala untuk mengumpulkan aset teknologi dan data yang diperlukan supaya ia tersedia kepada tenaga kerja teragih.

Banyak syarikat besar mencapai kemajuan dalam setiap bidang teknologi digital. Tetapi entiti juga cenderung untuk memandang rendah kepentingan mendapatkan pekerja untuk melakukan transformasi ke dalam fungsi dan kerja mereka daripada mempunyai kumpulan teknologi pusat dan perunding mendorong perubahan itu kepada perniagaan. Seperti yang dianjurkan oleh Eric von Hippel dari MIT selama bertahun-tahun, pengguna barisan hadapan, yang paling hampir dengan kes penggunaan dan berkedudukan terbaik untuk membangunkan penyelesaian yang sesuai dengan keperluan mereka, mesti mengambil peranan penting, menyertai pasukan dan membubarkan secara dinamik berdasarkan asas keperluan perniagaan.

Rujukan

Lansiti, M., & Nadella, S. (2022). *Democratizing Transformation*. Harvard Business Review. <https://hbr.org/2022/05/democratizing-transformation>

Menjadi Pekerja yang Positif dalam Organisasi: Amalan Terbaik untuk Kejayaan Bersama

13

oleh: Nor Ziana binti Awang, Bahagian Pembangunan Perakaunan & Pengurusan

Peranan individu sebagai pekerja yang positif memainkan peranan penting dalam membentuk suasana kerja yang harmoni dan produktif dalam setiap organisasi. Setiap pekerja perlu mengamalkan sikap positif dan melibatkan diri dalam amalan terbaik bagi memastikan kejayaan bersama. Panduan yang boleh membantu seseorang menjadi pekerja yang positif dalam organisasi seperti yang berikut:



i) Sikap Positif dan Bersyukur

Pekerja yang positif sentiasa mempunyai sikap yang positif terhadap tugas dan cabaran yang dihadapi. Mereka juga menghargai peluang untuk bekerja dalam organisasi tersebut.

ii) Komunikasi Efektif

Komunikasi yang baik adalah kunci kepada kefahaman dan kerjasama. Pekerja yang positif berkomunikasi secara jelas, mendengar dengan teliti, dan sentiasa bersedia untuk berkongsi idea dengan rakan sekerja.

iii) Bekerjasama dan Berkongsi Pengetahuan

Kejayaan organisasi bergantung kepada keupayaan pasukan untuk bekerjasama. Pekerja yang positif tidak hanya bekerja sendiri tetapi juga bersedia berkongsi pengetahuan dan pengalaman untuk memajukan pasukan.

iv) Tanggungjawab dan Kesetiaan

Pekerja yang positif bertanggungjawab terhadap tugas mereka dan menunjukkan kesetiaan terhadap organisasi. Mereka menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan tekun.

v) Pemberian Penghargaan dan Pujian

Mengakui usaha rakan sekerja dan memberikan pujian adalah ciri penting pekerja yang positif. Tindakan ini membina semangat positif dalam organisasi.

vi) Pembangunan Diri

Pekerja yang positif sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Ini bukan hanya membantu mereka berkembang, tetapi juga memberi sumbangan kepada keupayaan organisasi.

vii) Keseimbangan Emosi

Menjaga keseimbangan emosi adalah penting. Pekerja yang positif mengatasi cabaran dengan matang dan tidak membiarkan tekanan merosakkan semangat mereka.

viii) Menyokong Rakan Sekerja

Memberikan sokongan moral kepada rakan sekerja adalah tanda keperihatinan terhadap kebajikan mereka. Pekerja yang positif bersedia membantu dalam keadaan sukar.

ix) Etika Pekerjaan yang Tinggi

Budaya etika pekerjaan yang tinggi adalah aspek penting dalam menjadi pekerja yang positif. Ini melibatkan amalan integriti, kejujuran, dan profesionalisme.

x) Kebolehpercayaan

Pekerja yang positif adalah pekerja yang boleh dipercayai. Mereka memenuhi janji, mematuhi aturan organisasi, dan menjaga kepercayaan yang diberikan.

Setiap pekerja dapat menjadi rakan sekerja yang positif dan memberi sumbangan kepada kejayaan bersama organisasi dengan budaya amalan tersebut. Sikap positif bukan sahaja mencipta persekitaran kerja yang lebih baik, tetapi juga membawa impak positif kepada pencapaian matlamat organisasi.

**INFO**

G.G.T Browne adalah Akauntan Negara pertama yang dilantik pada tahun 1946 dan diikuti oleh 5 orang pengganti warganegara British, sebelum anak tempatan mengambil alih jawatan tersebut pada tahun 1967.



PENGURUSAN STRES: KUNCI KESEIMBANGAN DAN KESEJAHTERAAN

15

oleh: Nor Ziana binti Awang, Bahagian Pembangunan Perakaunan & Pengurusan

Kehidupan moden sering kali membawa berbagai tekanan dan cabaran yang boleh menyebabkan stres. Pengurusan stres menjadi keperluan bagi setiap individu untuk memastikan keseimbangan emosi dan kesejahteraan diri. Terdapat beberapa amalan yang boleh membantu dalam pengurusan stres secara berkesan.



i) Kesedaran Diri

Langkah pertama dalam pengurusan stres adalah kesedaran diri. Kenal pasti punca stres dan kesan-kesannya terhadap emosi dan fizikal. Dengan kesedaran ini, seseorang dapat mengenalpasti strategi yang sesuai.

ii) Penerimaan dan Pelan Tindakan

Terima kenyataan bahawa stres adalah sebahagian daripada kehidupan. Bangunkan pelan tindakan yang praktikal untuk menguruskan tekanan, termasuklah langkah-langkah kecil yang boleh diambil untuk meredakan stres.

iii) Senaman dan Aktiviti Fizikal

Aktiviti fizikal seperti senaman dapat membantu mengurangkan tahap stres. Senaman melepaskan *endorfin*, hormon yang meningkatkan mood dan mengurangkan kegelisahan.

iv) Amalan Bernafas Dalam

Amalan pernafasan dalam membantu menenangkan sistem saraf dan mengurangkan kecemasan. Ambil masa untuk bernafas secara perlahan dan dalam ketika merasai stres.

v) Pengurangan Kafein dan Gula

Kafein dan gula boleh meningkatkan tahap kecemasan dan stres. Kurangkan pengambilan kedua-dua bahan ini untuk menjaga keseimbangan emosi.

vi) Pengurusan Masa

Pengurusan masa yang baik membantu mengelakkan keadaan terburu-buru yang boleh menambah stres. Tetapkan keutamaan, jadualkan tugas, dan berikan masa istirahat yang mencukupi.

vii) Sokongan Sosial

Berkongsi perasaan dengan keluarga, rakan sekerja, atau sahabat boleh membantu mengurangkan beban emosional. Sokongan sosial adalah penting dalam mengatasi stres.

viii) Amalan *Mindfulness* atau Kesedaran

Mindfulness melibatkan fokus pada suatu ketika tanpa penilaian. Amalan ini membantu mengurangkan kebimbangan tentang masa depan dan memperkenalkan ketenangan dalam kehidupan harian.

ix) Hobi dan Aktiviti Menyenangkan

Ambil masa untuk melibatkan diri dalam hobi atau aktiviti yang membawa kegembiraan. Ini membantu melepaskan tekanan dan meningkatkan mood secara keseluruhan.

x) Berhenti Sejenak

Berhenti sejenak dari rutin harian dapat memberikan ruang untuk merentas pemikiran dan meredakan stres. Ambil masa untuk menenangkan diri di tengah-tengah kesibukan.

Penting untuk diingat bahawa setiap individu mempunyai cara yang berbeza untuk menguruskan stres. Oleh itu, penting untuk mencari kaedah yang sesuai dan berkesan untuk diri sendiri. Dengan mengamalkan strategi pengurusan stres yang sesuai, seseorang dapat mencapai keseimbangan yang lebih baik dalam kehidupan harian mereka.



oleh: Sofea Binti Mohd Sopee, Bahagian Pengurusan Audit Dalam

Revolusi Teknologi Digital

Revolusi Digital tercetus pada era Revolusi Industri 3.0 yang muncul pada pertengahan abad ke-20. Selain itu, World Wide Web atau lebih dikenali sebagai Internet juga telah mengalami evolusi bermula daripada Web 1.0, Web 2.0 dan yang terkini, Web 3.0. Web 3.0 yang muncul pada tahun 2021 telah mengalami anjakan paradigma internet decentralized yang meliputi protokol DeFi, peer-to-peer transfer (P2P transfer), teknologi *blockchain*, *Distributed Ledger Technology* (DLT) dan pelbagai lagi. Teknologi *blockchain* dan DLT digunakan dalam transaksi aset digital seperti kriptowang yang menjadi fenomena masa kini. Oleh yang demikian, tidak dapat disangkal lagi bahawa penggunaan teknologi digital merupakan wadah interaksi rentas sempadan yang tidak boleh dikesampingkan.

Di Malaysia, proses digitalisasi yang giat sejak penularan pandemik COVID19 harus dilihat dari perspektif positif di mana pengaruh digital memberi acuan baharu terhadap cara masyarakat bersosial, meraih pendapatan sehinggalah kepada kaedah penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Inovasi teknologi dan kadar pendigitalan yang semakin pesat telah mendorong kepada peningkatan trend penggunaan pembayaran secara digital melalui platform e-dagang dan kemunculan aset digital. Selain itu, kemunculan ekonomi gig seperti *Grabfood* dan *Lalamove* yang berkonsepkan perkongsian ekonomi yang menggunakan teknologi sebagai pemudah cara atau turut dikenali sebagai '*collaborative economy*', '*digital economy*', '*crowd economy*' dan '*peer economy*' merupakan salah satu mekanisme penjanaan ekonomi yang semakin popular pada masa kini. Justeru, masyarakat sejagat perlu cakna digital, dan tidak bersikap 'diam di laut, masin tidak, diam di bandar, tidak meniru.'

Inisiatif Kerajaan Dalam Memacu Inovasi Digital

Menyedari akan kepentingan digitalisasi dalam mendukung agenda transformasi negara ke arah ekonomi digital yang mampan, beberapa strategi nasional telah dirancang oleh Kerajaan. Antaranya, pelancaran Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) pada 19 Februari 2021. MyDIGITAL dirancang sebagai sinergi kepada dasar pembangunan negara antaranya Dasar 4IR Negara, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030). Bagi merealisasikan WKB 2030, ekonomi digital telah dikenal pasti sebagai aktiviti pertumbuhan ekonomi utama. Mantan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob dipetik berkata; 'Ekonomi digital Malaysia telah mencapai 22.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2021 dan ia dijangka berkembang melepasi sasaran awal sebanyak 25.5 peratus menjelang 2025.' Selain itu, baru-baru ini penganalisis meramalkan bahawa ekonomi digital bakal menjana RM1 setiap RM4 pendapatan ekonomi menjelang 2025.

Aspirasi Malaysia untuk menjadi peneraju ekonomi digital serantau dimanifestasikan melalui Program Mangkin Malaysia Digital (PEMANGKIN) yang bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab digital ASEAN. Program ini melibatkan sembilan (9) sektor tumpuan seperti pelancongan digital, pertanian digital, bandar digital, kandungan digital, perdagangan digital, servis digital, kesihatan digital, dan ekonomi digital Islam yang melibatkan nilai pelaburan RM1 billion dan bakal mewujudkan 49,000 peluang pekerjaan menjelang 2025. DE Rantau dan *Digital Trade* juga diperkenal sebagai program subset PEMANGKIN bertujuan menjadikan Malaysia sebagai Hab Nomad Digital di rantau ASEAN melalui peningkatan penggunaan digital dan mobiliti profesional digital.

Peranan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Dalam Merekayasa Agenda Pendigitalan Sektor Awam

Merujuk kepada pelbagai agenda nasional yang telah dirangka seperti yang diuraikan di atas, JANM turut mengambil inisiatif untuk bersama-sama merealisasikan aspirasi Kerajaan Digital. Pelan Strategik JANM 2019-2023, iaitu *Digital Finance and Accounting* telah digubal sejajar dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 yang bertujuan memacu agenda Kerajaan Digital ke arah memperkasa masyarakat digital.

Pepatah Melayu ada mengatakan 'jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagu', justeru pelbagai program eksplorasi dan transformasi digital sedang dilaksanakan oleh JANM bagi memperoleh manfaat daripada digitalisasi. Sehubungan itu, JANM sedang mengkaji penggunaan kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) untuk mengautomasi proses kerja dan operasi yang rutin dan berskala besar. Tamsilnya, aplikasi *Robotic Process Automation* (RPA) di Bahagian Wang Tak Dituntut telah mula diguna pakai atau Go Live pada 1 Ogos 2023 bagi pemprosesan permohonan bayaran balik wang tak dituntut (WTD). RPA membolehkan robot dan sistem komputer berinteraksi dengan meniru tugas operasi manusia. Dalam pada itu, aplikasi telefon pintar bagi semakan dan tuntutan WTD melalui *mobile apps* eGUMIS masih di dalam fasa pembangunan. Di samping itu, hasrat Kerajaan untuk mewujudkan komuniti tanpa tunai bakal direalisasikan di bawah Pelan Strategik ICT JANM 2019-2023 di mana Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (iPayment) sedang dibangunkan dengan fitur e-Dompet, MyDebit, QR Pay dan Kad Kredit. Untuk merencanakan usaha inovasi digitalisasi, sistem e-Invois dicadang untuk dibangunkan pada tahun 2024-2027 yang bertujuan untuk memastikan ketelusan dalam tadbir urus perakaunan Kerajaan. Selain itu, JANM juga sedang mengkonfigurasi Sistem iABT bagi memudahkan penghantaran Laporan ABT dan Tunggakan Disatukan Seperti Pada 30 Jun dan 31 Disember bagi Kementerian di mana laporan tersebut sebelum ini dihantar secara manual.

Selain itu, JANM juga sedang meneroka penggunaan Analisis Data Raya (*Big Data Analytics*) dalam mengesan penyelewengan dan kehilangan wang awam dengan lebih efisien. Nilai pasaran Analisis Data Raya dijangka bertumbuh kepada RM7.85 billion menjelang 2025. Justeru, Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) sedang mengorak langkah dalam merekayasa proses pengauditan daripada pengauditan konvensional kepada kaedah pengauditan digital yang menggunakan *data analytic tools*. Hal ini sekali gus mereformasi peranan BPAD dalam memastikan pematuhan dan kawalan dalaman ke atas pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan.

Sebagai contoh, analisis data kewangan dengan menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) mampu mengekstrak 100 peratus sampel data berbanding kaedah konvensional yang menggunakan persampelan bagi data-data yang matan sahaja. Terbaharu, BPAD telah menjalinkan kolaborasi strategik bersama Universiti Teknologi Malaysia dalam membangunkan coding *Python Data Analytics* bagi menganalisis data kewangan. Sementara itu, dari aspek Self-Audit Assessment, pengauditan, naziran, maklum balas dan pelaporan audit, BPAD telah mewujudkan satu pangkalan data Sistem iAref. Sistem iAref merupakan satu sistem bersepadu yang boleh digunakan di Bahagian-bahagian JANM, Bahagian Akaun Kementerian, JANM Negeri, JANM Cawangan, Pusat Tanggungjawab, Pusat Pemungut serta agensi luar lain.

Cabaran Teknologi Digital JANM

JANM perlu bersiap-siaga dalam mendepani cabaran adaptasi digital. Ekosistem digital berkembang secara tuntas dan dinamik. Antara cabaran utama ialah dari aspek *cybersecurity*, tenaga kerja mahir, dan pengurusan perubahan. Kes ancaman siber semakin menjadi-jadi bak cendawan tumbuh selepas hujan. Negara mencatatkan 4,741 kes ancaman siber pada tahun 2022 berdasarkan kepada statistik Cyber Sekuriti Malaysia. Jenayah siber telah menyebabkan rakyat mengalami kerugian sebanyak RM2.23 billion bagi tempoh 2017-2021.

Selain itu, kejayaan pelaksanaan ekonomi digital turut bergantung kepada literasi digital tenaga kerja. Di bawah inisiatif MyDigital, penilaian Celik Digital kearah fokus menjadikan 100 peratus penjawat awam celik digital menjelang 2025 telah dilaksanakan. Dalam melahirkan modal insan yang celik digital, inisiatif program latihan yang menjurus kepada digitasi telah ditawarkan kepada warga JANM seperti latihan penggunaan perisian UiPath RPA secara pembelajaran sendiri dalam talian (*self-learning*) di platform UiPath Academy. Matlamat inisiatif ini adalah untuk melahirkan *Citizen Developer* dan RPA Developer yang akan membantu memudahkan pelaksanaan RPA di JANM. Selain itu, JANM juga menawarkan pentauliahan *ACL Certified Data Analyst* (ACDA) bagi warga JANM sebagai batu loncatan dalam bidang analisis kewangan.

Di samping itu, pengurusan perubahan (*change management*) juga merupakan antara cabaran terbesar JANM. Hal ini demikian kerana perakaunan digital bakal mengubah norma penyampaian perkhidmatan. Tanpa perubahan, jabatan akan menjadi statik, sentiasa berada di zon selesa dan tidak dinamik. Perubahan akan membentuk modal insan yang berdaya saing. Berdasarkan kepada Model Perubahan Kurt Lewin, perubahan berlaku apabila sesuatu perancangan dilaksanakan bagi menggerakkan organisasi atau ahli ke arah yang lebih baik. Modifikasi terhadap pembangunan organisasi akan menyebabkan perubahan nilai dan tingkah laku pekerja. Bagi menangani *resistance to change*, ekosistem yang kondusif, pembangunan infrastruktur, peningkatan kemahiran berterusan dan sokongan daripada pihak atasan adalah penting. Antara usaha JANM untuk menggerakkan perubahan organisasi adalah dengan melaksanakan inisiatif Digital Workspace bagi mewujudkan ekosistem digital yang kondusif.

Gelombang teknologi digital dilihat semakin terus berkembang. Perubahan ekosistem ekonomi digital dan pandemik sejagat telah mencorakkan landskap perakaunan yang baharu. JANM sebagai jentera penting dalam menggerakkan agenda tranformasi Kerajaan Digital ke arah mengukuhkan pengurusan kewangan dan perakaunan sektor awam perlu lebih proaktif, kreatif dan inovatif serta cakna terhadap isu-isu perakaunan global supaya tidak menjadi seperti 'katak di bawah tempurung'. Sebagai contoh, Revolusi Industri 5.0 yang mungkin teretus dengan kemunculan pesat metaverse serta perkembangan pesat mata wang digital dalam platform Fintech sudah pasti menuntut kepada arkitektur sistem perakaunan aset digital dan piawaian perakaunan yang baharu. Terkini, bank digital pertama negara, iaitu GX Bank Bhd telah pun ditubuhkan pada September 2023 setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada April 2022. Penubuhan GX Bank antaranya bertujuan untuk memanfaatkan legasi teknologi inovatif bagi memenuhi keperluan individu yang tidak mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan. Oleh yang demikian, JANM perlu bersiap-siaga dengan perancangan halatuju standard perakaunan atau transaksi digital yang berkaitan supaya sentiasa mengikut peredaran masa.

Ironinya, terdapat pendapat menyatakan bahawa evolusi digital dan penggunaan RPA bakal meragut profesion perakaunan. Tanggapan tersebut perlu ditangkis kerana akauntan diperlukan untuk membuat pertimbangan profesional yang kritis dan rasional. Akauntan mempunyai daya intelektual yang tinggi berbanding robot yang sekadar meniru perbuatan manusia. Oleh yang demikian, bagi menjadi sebuah jabatan yang disegani, JANM perlu bersama-sama melonjakkan Malaysia supaya melahirkan lebih ramai tenaga kerja digital yang berdaya saing, tersenarai dalam kelompok negara termaju dan 30 ekonomi terbesar dunia menjelang 2030. Hal ini sekaligus mewujudkan ekosistem untuk kita semua menyumbang ke arah taraf hidup yang lebih tinggi di mana hasilnya akan dapat dinikmati oleh semua rakyat Malaysia. Bak kata pepatah, 'Pengayuh sama di tangan, perahu sama di air'.

SIJIL DIGITAL HSO

© 27 Disember 2023

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SIJIL DIGITAL HOME SURVEILLANCE ORDER (HSO)

- ✓ Semua majikan diseru agar menerima pakai sijil digital HSO. Sijil digital HSO adalah sah laku di bawah Akta 342.
- ✓ Individu yang diberi digital HSO perlu melakukan tangkapan layar paparan skrin (*screenshot*) untuk makluman pihak majikan.

Home Surveillance Order (HSO)

UKK Agendanya Nasional Malaysia MADANI

Dikemas kini, 20 Disember 2023

MAKLUMAT UTAMA WTD


Statistik sehingga 30 NOV 2023



RM1.3B

JUMLAH TERIMAAN
SERAHAN WTD

JUMLAH SERAHAN **RM15.4B**
JUMLAH BAYARAN BALIK **RM 3.7B**




● Akaun Hasil Kerajaan ● Akaun Amanah WTD

PULANGAN PELABURAN 2019 - NOV'23




SERAHAN WTD 2022 - 2023




● 2023 ● 2022

SERAHAN DAN BAYARAN BALIK WTD 2019 - 2023




● Bayaran Balik ● Serahan

BILANGAN PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK WTD




● eGUMIS ● Kaunter ● Mel

PROSES PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK WTD



● b/f ● Kuiri ● AP ● c/f



SEKURITI TAK DITUNTUT


BILANGAN KAUNTER **495**
JUMLAH PEGANGAN (UNIT) **76.25J**
NILAI NOMINAL **RM52.87J**



BILANGAN PENGGUNA **5,075,914**
BILANGAN PELAWAT **4,917,726**

BILANGAN PERMOHONAN
142,920


PROSES PERMOHONAN



BELUM PENGESAHAN **0**

PENGUATKUASAAN WTD

BILANGAN PEMERIKSAAN **2,701**



% KES SELESAI **96%**

BILANGAN PROGRAM
KESEDARAN AKTA WTD **102**

TAHAP KESIHATAN MENTAL WARGA JANM BERDASARKAN SARINGAN MINDA SIHAT (DASS-21)

Apa itu Saringan Minda Sihat?


Saringan untuk mengenalpasti status kesihatan minda individu. Saringan ini bukan bertujuan untuk diagnose tetapi untuk pengesanan dan intervensi awal. Saringan ini menggunakan alat ukur Psikologi yang direkabentuk khas untuk mengukur tahap tekanan (*Stress*) tahap kebimbangan (*Anxiety*) dan tahap Kemurungan (*Depression*) individu.

Objektif Pelaksanaan Saringan Minda Sihat?


- i) Membantu warga JANM mengenali tahap kesihatan mental dan melakukan intervensi awal;
- ii) Merangka program intervensi untuk warga JANM yang mengalami Stres, Kebimbangan dan Kemurungan; dan
- iii) Merangka strategi bagi mencegah Stres, Kebimbangan dan Kemurungan di tempat kerja dan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif.




TEKANAN DIKALANGAN WARGA JANM




KADAR TEKANAN MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN




KEBIMBANGAN DIKALANGAN WARGA JANM




KADAR KEBIMBANGAN MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN



KEMURUNGAN DIKALANGAN WARGA JANM



KADAR KEMURUNGAN MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN





**Program Kesedaran Pengurusan Pengetahuan
19 Jun, 27 Julai, 23 Ogos & 25 September 2023**



**Bengkel Pembangunan Garis Panduan *Knowledge Management* (KM) JANM
18 -20 Mei 2023**



**Bengkel Audit Pengetahuan (*Knowledge Audit*)
21 - 23 Jun (Siri 1), 17 - 18 Julai (Siri 2) & 14 - 15 Ogos 2023 (Siri 3)**

Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Knowledge Management (KM) 26 Oktober 2023

26



Booth BPAD



Ahli Panel Jemputan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Institut Sukan Negara & PETRONAS



Booth BPTM



Booth BPOPP



Booth BA MOF



Booth BWTD

Certified Practitioner Knowledge Management (CPKM) JANM



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

BuletinKM